

20 JUL 2003

PEMUDA UMNO PUTRAJAYA ANJUR KONVOI JALUR GEMILANG

PUTRAJAYA, 20 Julai (Bernama) -- Pemuda Umno cawangan Putrajaya akan menganjurkan Konvoi Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kemerdekaan yang akan diadakan buat pertama kalinya di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan itu.

Ketua Penerangan Pemuda Umno Putrajaya, Junaidy Abu Bakar berkata konvoi itu akan diadakan pada 2 Ogos depan bermula di Dataran Putra.

"Seramai 346 penunggang motosikal berkuasa besar dan vespa akan mengambil bahagian dalam konvoi yang bertujuan memeriahkan lagi sambutan hari kemerdekaan, yang pertama kali diadakan di sini," katanya kepada pemberita, hari ini.

Menurut Junaidy, peserta konvoi akan membawa Jalur Gemilang mengelilingi Putrajaya, Cyberjaya, Sungai Merab dan Dengkil dalam tempoh sehari.

Katanya konvoi berkenaan akan dilepaskan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Jalur Gemilang pula akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada keesokan harinya (3 Ogos).

Sempena sambutan itu juga, penduduk Putrajaya dan kawasan sekitarnya digalakkan mengibarkan Jalur Gemilang, katanya.

Mereka yang berminat menyertai konvoi berkenaan boleh menghubungi Nizam (012-3516551), Aziz (012-3889517) atau pejabat Umno Putrajaya 03-88885761.

-- BERNAMA

SHI ZB